



YB. SOON LIP CHEE

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

KENYATAAN MEDIA PADA 8 NOVEMBER 2020

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI DI NEGERI PULAU PINANG DARI 9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020

Susulan pengumuman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diperluaskan ke tujuh lagi negeri di Semenanjung kecuali Pahang, Perlis dan Kelantan selama empat minggu yang bermula dari 9 November 2020 hingga 6 Disember 2020 oleh Kerajaan Persekutuan pada 7 November 2020, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa pelaksanaan aktiviti sukan dan rekreasi adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Antara intipati SOP yang ditetapkan oleh MKN bagi aktiviti sukan dan rekreasi dalam tempoh PKPB ini adalah seperti berikut:

1. Aktiviti Sukan dan Rekreasi yang DIBENARKAN

- Aktiviti sukan dan rekreasi yang **tidak bersentuhan fizikal** (*indoor* dan *outdoor*) dan dijalankan **secara individu tidak melebihi 10 orang** seperti berjalan, jogging, berbasikal, senam robik sendiri, hiking, memancing dan lain-lain di dalam kawasan PKPB sahaja adalah DIBENARKAN dengan mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi.
- Taman-taman rekreasi di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta Taman Botani akan dibuka kepada orang awam untuk tujuan sukan dan rekreasi dengan pematuhan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, Vision Park dan Taman Bandar di Ampang Jajar akan kekal ditutup oleh MBSP.
- Aktiviti di padang bola sepak komersial, gymnasium, gelanggang futsal dan dewan badminton komersial yang mempunyai **premis DIBENARKAN beroperasi bermula 6.00 pagi hingga 10.00 malam** dengan mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi.
- Kebenaran beroperasi dan menggunakan fasiliti padang komersial dan futsal oleh orang awam adalah TERHAD bagi **aktiviti latihan yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dan maksimum 10 orang sahaja**. Setiap pengusaha dan operator sukan perlu menjadualkan pelaksanaan latihan sekiranya terdapat ramai peserta dengan menghadkan jumlah tidak melebihi 10 orang pada satu-satu masa.

- Program latihan berpusat yang sedia ada dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri-negeri berkenaan boleh diteruskan secara “**Quarantine Based Approach**” seperti yang dilaksanakan di Kompleks MSN Bukit Jalil dan Keramat, Akademi Badminton Malaysia, Bukit Kiara, Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik, Kg. Pandan dan Velodrome, Nilai.
- Semua penggiat sukan disarankan agar kekal berada di daerah masing-masing dan mengelakkan dari merentas daerah mengikut SOP yang dikeluarkan oleh MKN.

2. Senarai Aktiviti Sukan dan Rekreasi yang TIDAK DIBENARKAN (Negative List)

- **Aktiviti berkelah, aktiviti kolam renang, aktiviti bersentuhan fizikal/sukan tempur, aktiviti perlawanan bagi sukan berpasukan serta aktiviti penganjuran kejohanan/pertandingan,**
- **Aktiviti sukan dan rekreasi yang melibatkan penglibatan yang ramai dan sukar dikawal penjarakan fizikal; dan**
- **Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton, serta acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negara adalah TIDAK DIBENARKAN.**

Keputusan untuk mematuhi SOP terutamanya dalam sektor aktiviti sukan dan rekreasi yang ditetapkan oleh MKN menunjukkan komitmen kerajaan negeri untuk mengekang penularan wabak Covid-19 dalam kalangan masyarakat negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, penggiat sukan dan rekreasi termasuk pemilik, dan operator fasiliti perlu mematuhi arahan yang telah ditetapkan oleh MKN. Sama-samalah kita membantu memutuskan rantaian penularan pandemik COVID-19 ini.

**SOON LIP CHEE
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG**